

07/06/1999

Singapura wajar hargai sumber air: MB

Abdul Razak Raaff

JOHOR BAHRU, Ahad - Kerajaan Johor mahu Singapura menghormati dan menghargai keperluan sumber bekalan air untuk kegunaan domestik di negeri ini bagi tempoh jangka panjang dalam urusan pembekalan air ke republik itu.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi lebih pesat dalam tempoh jangka panjang menyebabkan permintaan terhadap bekalan air di negeri ini meningkat pada masa depan.

"Kerajaan negeri perlu meningkatkan bekalan air jangka panjang bagi kegunaan domestik memandangkan bilangan penduduk negeri ini dijangka bertambah kepada 5 juta penduduk pada tahun 2030," katanya kepada pemberita sempena majlis pelancaran Cabaran Antarabangsa Basikal Solar Malaysia 1999 (MISCC '99) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, di sini pagi ini.

Beliau mengulas laporan mengenai permintaan Singapura menambah sekali ganda bekalan air daripada 1,589 bilion liter air sehari (350 juta gelen) kepada 3,405 bilion liter sehari (750 juta gelen) sehari bagi tempoh 150 tahun selepas perjanjian bekalan air di antara kedua-dua negara berakhir pada 2061.

Permintaan itu dibuat dalam perbincangan di antara delegasi Kerajaan Malaysia diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad dan delegasi Kerajaan Singapura oleh Setiausaha Tetap Kementerian Luarnya, Tan Chin Tiong, pada 28 Mei lalu.

Ketika ini, Johor pula membekalkan 214 juta liter air mentah kepada Singapura dan membeli balik 35 juta air yang sudah dirawat dari republik berkenaan.

Bekalan itu adalah berdasarkan Perjanjian Air Sungai Johor 1961 dan 1962. Perjanjian pada 1961 tamat pada 2011 manakala perjanjian kedua pada 2061.

Singapura sudah beberapa kali membangkitkan soal bekalan air selepas perjanjian itu, termasuk di Parlimennya agar kerajaan republik berkenaan berbuat sesuatu demi menjamin bekalan di masa depan.

Malah, isu pembekalan air itu sentiasa menjadi antara inti perbincangan di antara pemimpin tertinggi kedua-dua negara, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Goh Chok Tong dalam pertemuan dua hala.

Bagaimanapun, Abdul Ghani yakin isu permintaan Singapura menambah bekalan air untuk keperluan penduduknya di masa depan tidak menjejaskan hubungan dua hala Malaysia dan Singapura.

"Saya tidak mahu mengulas lebih lanjut kerana ia membabitkan perbincangan di antara dua kerajaan," katanya.

Sebelum ini, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Datuk Zainalabidin Mohamed Zin dipetik sebagai berkata, permintaan bekalan air di negeri ini meningkat dengan kadar 5.7 peratus setahun berikutan kepesatan pembangunan ekonominya.

Tahun lalu, Kerajaan Singapura bercadang membina loji sulingan air laut pertama di republik itu membabitkan S\$800 juta hingga S\$900 juta (RM1.9 billion hingga RM2.2 billion) dijadualkan bermula tahun depan.

Mengikut perancangan itu, loji terbabit akan menghasilkan 136 bilion meter padu air sehari diuruskan Lembaga Perbekalan Awam (PUB) Singapura.

Kerajaan republik itu juga mempunyai cadangan lain termasuk menjadikan

Pahang sebagai pembekal utama air ke republik berkenaan menggantikan Johor menerusi projek penswastaaan Malaysia yang disarankan sebuah syarikat perunding kejuruteraan SMHB dan LGB Engineering.

Cadangan projek itu membabitkan pembinaan 180 kilometer saluran paip air dari Pahang ke Singapura membabitkan kos RM6.8 bilion yang dijangka mampu menampung keperluan dan kepesatan pembangunan republik itu pada tahun 2033.

Berdasarkan cadangan itu, Pahang dilaporkan boleh membekalkan air ke Singapura melalui Sungai Rompin bermula dengan 375 juta liter sehari, di antara tahun 2004 dan 2009 serta meningkat kepada 750 juta liter sehari menjelang tahun 2009.

(END)